

LATIHAN MENEMBAK PISTOL INSKEP 2019



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/5643-latihan-menembak-pistol-inskep-2019

PULAU PINANG, 13 Nov 19 - Flait Provos Institut Kepimpinan dan Pengurusan (INSKEP) telah menganjurkan satu Latihan Menembak Pistol INSKEP 2019 di Lapang Sasar Pangkalan Udara Butterworth.

Latihan ini merupakan salah satu latihan ketenteraan bagi memastikan setiap anggota berpengetahuan dan mahir dalam menggunakan senjata api. Terdapat dua jenis Pistol yang digunakan semasa latihan iaitu Pistol Glock dan Pistol Browning MK III.

Johan keseluruhan bagi latihan menembak pistol disandang oleh F/Sjn Mohd Hanif Fitri bin Abdul Razak, Johan Kategori BAKAT disandang oleh Puan Rafikah binti Ishak dan Johan bagi kategori awam disandang oleh Encik Mohd Najib bin Yusof.

Selain itu, Pertandingan Menembak Jatuh Piring Kumpulan turut diadakan pada akhir latihan menembak dan keputusan dimenangi oleh pasangan Sjn U Jasnizam bin Johar bersama Kpl U Rafiuddin bin Rahim.

Turut hadir Pegawai Memerintah INSKEP, Lt Kol Nurul Amir bin Othman TUDM yang turut menyempurnakan majlis penyampaian hadiah serta pegawai-pegawai kanan, anggota LLP, ahli BAKAT INSKEP dan staf awam INSKEP.



